

08/09/2001

Penyertaan di MSC bukti keyakinan pelabur asing

TAHAP kebimbangan terhadap sambutan bagi menjayakan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) berakhir. Ini berikutan penyertaan 554 syarikat, termasuk 46 bertaraf dunia yang beroperasi di MSC sehingga 30 Ogos lalu. Ia sekali gus bermakna sasaran 500 syarikat beroperasi di MSC menjelang 2003, sudah dapat ditembusi, dua tahun lebih awal daripada ramalan. Penyertaan syarikat berkenaan jelas membuktikan keyakinan mereka terhadap kemampuan Malaysia dalam membangunkan industri multi media dan yang berkaitan dengannya. Melihat kepada nama-nama syarikat besar yang menjalankan operasinya di MSC, tidak diragui MSC akan menjadi kawasan pengeluaran produk multi media berteknologi tinggi setanding Lembah Silikon di Amerika Syarikat.

Pada masa sama, syarikat kecil yang diberi peluang beroperasi di kawasan itu, turut mendapat faedah, sekurang-kurangnya menjayakan industri sokongan multi media. Di MSC hari ini, pelbagai kegiatan penyelidikan dan pembangunan berjalan lancar. Ia menjadi kawasan tumpuan penyelidik dan pengusaha dari pelbagai industri untuk meningkatkan kemajuan perniagaan dan produk perindustrian masing-masing. Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia mampu menjadi pelopor kepada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

(END)